

ANUGERAH INOVASI NEGERI SELANGOR TAHUN 2025

LAPORAN INOVASI

Tajuk Inovasi:

Onboard – Aplikasi Pemantauan Keselamatan Bas Sekolah

Nama Jabatan / Agensi / Institusi:

Individu (Akar Umbi)



Nama Peserta:

Lee Yumi

Tarikh:

April 2025

SENARAI KANDUNGAN

1. Pengenalan
2. Penerangan Hasil Inovasi
3. Impak Inovasi Terhadap Kumpulan Sasar
 - 3.1 Elemen Inovatif / Kreatif
 - 3.2 Elemen Keberkesanan
 - 3.3 Elemen Signifikan
 - 3.4 Elemen Relevan
4. Pencapaian dan Pengiktirafan

1. PENGENALAN

Latar belakang ringkas perkhidmatan:

Onboard merupakan sebuah aplikasi pintar yang dibangunkan bagi meningkatkan keselamatan dan kecekapan perkhidmatan bas sekolah di Malaysia. Ia diinspirasikan oleh Lee Yumi, seorang pelajar berusia 10 tahun yang prihatin terhadap isu keselamatan pelajar dan kesesakan lalu lintas yang sering dihadapi oleh ibu bapa.



Tahukah anda? Sebuah bas sekolah boleh menggantikan 12 buah kereta peribadi di jalanraya.



Isu keselamatan merupakan salah satu punca ibubapa tidak ada keyakinan untuk membenarkan anak-anak menggunakan bas sekolah ke sekolah.

Rakan Usahawan Bas Sekolah Malaysia · Join
Kamal Yahya · Admin · June 6, 2024 · 🌐

TIP BAS SEKOLAH

Saya selalu pesan kpd semua termasuk diri saya sendiri, kata2 berikut:

BAS SEKOLAH TAK BOLEH LAMBAT
BAS SEKOLAH TAK BOLEH CEPAT
BAS SEKOLAH MESTI TEPAT

Untuk mencapai matlamat ini mesti set satu jadual yang dikongsi bersama dgn parents, penjaga dan pelajar. Paling elok jadual waktu itu dipersetujui oleh semua.

Driver mesti gunakan jadual perjalanan yg sama mengikut satu laluan (turutan pick-up) yang sama setiap hari... Driver tak boleh tukar laluan atau waktu sesuka hati tanpa terlebih dahulu memaklumkan parents, penjaga atau pelajar berkenaan.

Driver wajib ada jam, antara peralatan utama dalam menjalankan tugas driver. Perbezaan waktu sebenar dan waktu jadual atas kertas yg dibenarkan hanyalah + atau - 5 minit tapi pemandu yg cekap boleh ada perbezaan + atau - 1 minit. Lebih tepat lebih elok.

Sebagai pemandu usahalah perbaiki waktu perjalanan kita, ini satu cabaran menentukan samada kita pemandu bas sekolah taraf professional atau amatir, semoga kita semua berjaya, Aamiin.

👍❤️ 34 9 comments · 4 shares

Persatuan Persatuan Bas Sekolah Malaysia

TUGAS PEMANDU BAS SEKOLAH

Kena Tahu :

1. Nama Pelajar...?
2. Muka Pelajar...!
3. Umur Pelajar...?
4. No. Rumah...?
5. Nama Jalan...?
6. Masa - Pergi...?
7. Masa - Balik...?
8. Nama Sekolah...?
9. Adik-beradik...
10. Mak/Bapak
11. Kereta/motor...
12. "BODYGUARD."
13. "Baby-sitter.."

Aplikasi Onboard dapat menyelesaikan isu-isu yang dihapadi oleh pengendali dan pemandu bas sekolah.

2. PENERANGAN HASIL INOVASI

Ringkasan hasil inovasi:

Onboard ialah aplikasi mudah alih yang membolehkan ibu bapa:

- Menjejak perjalanan anak secara masa nyata
- Menerima notifikasi jika pengambilan/penghantaran tidak berjaya
- Berkomunikasi jelas dengan pemandu
- Mencari perkhidmatan bas sekolah yang sesuai
- Menyemak dan membayar yuran secara automatik
- Melihat maklumat pemandu & kenderaan

Tarikh inovasi dihasilkan:

Disember 2024 hingga Februari 2025 (fasa pembangunan awal)

Percubaan dilancarkan Apr 2025

Tujuan projek inovasi:

- Menjamin keselamatan anak semasa pergi & balik sekolah
- Memberi ketenangan fikiran kepada ibu bapa
- Menggalakkan penggunaan bas sekolah
- Mengurangkan kesesakan jalan raya pagi
- Memodenkan pengurusan perkhidmatan bas

Proses pelaksanaan inovasi:

Dibangunkan secara *in-house* oleh pasukan kecil dengan bimbingan ibu bapa Yumi. Pengendali bas sekolah awal turut serta sebagai pengguna pertama.

Proses sebelum dan selepas:

Sebelum:

Tiada maklumat masa nyata, tiada komunikasi mudah, pengurusan yuran secara manual.

Selepas:

Aplikasi lengkap memantau lokasi bas, komunikasi dua hala, dan kemaskini laluan automatik.

Elemen penurunan kuasa:

Tiada

Kumpulan sasar dan skop liputan:

- Ibu bapa
- Pemandu dan pengendali bas sekolah
- Pelajar sekolah rendah dan menengah
- Fokus awal: Selangor (boleh diperluas ke seluruh negara)

INOVASI
PENGANGKUTAN
SEKOLAH

- KESELAMATAN
- INFORMASI YANG TEPAT
- KOMUNIKASI YANG JELAS




Ibu bapa / Penjaga


Pemandu Bas


Pengendali
Syarikat Bas

Faedah Onboard & Kumpulan Pengguna



Aplikasi yang jelas dan mudah digunakan





*Antara ciri-ciri lain yang terdapat dalam aplikasi Onboard termasuk Pemberitahuan **Mesej** dan **Kalender** yang membolehkan ibubapa membatalkan pengambilan anak oleh pihak bas pada hari tertentu. Ibubapa juga boleh merujuk kepada **Maklumat** berkenaan kenderaan dan pemandu bas dalam aplikasi ini.*


3. IMPAK INOVASI TERHADAP KUMPULAN SASAR

3.1 Elemen Inovatif / Kreatif

- Lokasi masa nyata kurangkan waktu menunggu (terutama di apartmen)
- Laluan berubah automatik jika murid tidak hadir
- Komunikasi terus antara ibu bapa dan pemandu
- Info pemandu & kenderaan dipaparkan
- Bayaran & notifikasi yuran dalam aplikasi

3.2 Elemen Keberkesanan


- 40 ibu bapa ditemu bual; 100% menyokong idea
- Ibu bapa berasa lebih tenang dan selamat
- Potensi penambahan penggunaan bas sekolah
- Pengurusan operasi bas lebih cekap
- Penjanaan pendapatan melalui yuran langganan



Kesemua sampel (40 ibubapa) bertempat di Selangor amat menyukai idea Onboard dalam kaji selidik yang dijalankan pada Ogos 2024.

Manfaat Onboard kepada Pengendali Bas

REMINDER



1) Hantar mesej
peringatan bayaran
yuran - Ejen AI

2) Pungutan
yuran menerusi
aplikasi

3) Pengiklanan
percuma



Salah satu masalah yang sering dihadapi oleh Pengendali Bas adalah untuk memantau bayaran yuran oleh ibubapa.

3.3 Elemen Signifikan


- Antaramuka mudah digunakan semua peringkat usia
- Penjimatan masa ibu bapa & pengendali
- Kurangkan kesesakan jalan raya waktu puncak
- Sokong keselamatan & kesejahteraan pelajar

3.4 Elemen Relevan

- Selaras dengan misi Smart Selangor & mobiliti pintar
- Menyokong Dasar Pendigitalan Pendidikan
- Projek akar umbi yang dipelopori pelajar sekolah rendah
- Menanam semangat inovasi dalam kalangan generasi muda

4. PENCAPAIAN DAN PENGIKTIRAFAN

- **Juara Goodday KidSTART 2.0**
Pertandingan keusahawanan kanak-kanak yang diiktiraf oleh KPM
- **Anugerah Paling Kreatif – Vilor**
Pertandingan pitching inovasi



5. PENUTUP

Onboard ialah satu inovasi akar umbi yang menawarkan penyelesaian praktikal dan relevan dalam meningkatkan keselamatan serta kecekapan perkhidmatan bas sekolah. Melalui pemahaman mendalam terhadap keperluan sebenar ibu bapa, pelajar, dan pengendali bas sekolah, aplikasi ini bukan sahaja menawarkan ciri-ciri keselamatan dan kemudahan yang menyeluruh, malah menyumbang kepada agenda digitalisasi dan kelestarian bandar.

Dengan pendekatan mesra pengguna, penjimatan masa dan sumber, serta potensi peluasan skala ke seluruh negara, *Onboard* diyakini dapat memberi impak yang positif kepada sistem pengangkutan sekolah di Malaysia.


Adalah diharapkan agar inisiatif ini diberi sokongan untuk terus berkembang dan dimanfaatkan oleh lebih ramai pengguna agar dapat membawa perubahan bermakna kepada masyarakat.

Disediakan oleh:

Nama : Lee Yumi

Tel. : 018-2250585

E-mel : grape_foong@yahoo.com



*Pada suatu pagi ketika terperangkap dalam kesesakan lalulintas semasa dalam perjalanan ke sekolah di dalam kereta ayah, saya menyuarakan hasrat saya untuk menggunakan bas sekolah supaya dapat mengurangkan kesesakan waktu pagi. Tetapi cadangan

ini ditolak ayah kerana dia kluatir tentang isu keselamatan. Hari itu, saya asyik memikirkan cara untuk menyelesaikan masalah ini, dan mula melakarkan rangka kerja aplikasi Onboard di rumah. Pada malam tersebut, saya membuat pembentangan pertama kepada ibubapa saya.